

POTENSI PEMBANGUNAN *COHOUSING* SEBAGAI
PERUMAHAN KHAS WARGA EMAS BANDAR KE ARAH PENUAAN AKTIF

MOHD RIZAL BIN MD ZAIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2020

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya Projek Sarjana bertajuk “Potensi Pembangunan Cohousing Sebagai Perumahan Khas Warga Emas Bandar ke Arah Penuaan Aktif” berjaya disiapkan. Hasil kerja keras ini ditujukan buat Ayahanda dan Bonda tercinta serta isteri tersayang kerana iringan doa dan kasih sayang mereka menjadi sumber kekuatan dalam menyediakan laporan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada Penyelia Projek, Mejar Dr. Wan Ibrism Fikry bin Wan Ismail di atas segala curahan ilmu dan bimbingan sepanjang proses kajian ini. Terima kasih juga ditujukan kepada Penyelaras Program Sarjana Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria dan para pensyarah atas didikan sepanjang tempoh pengajian. Penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada Kerajaan Negeri Selangor di atas tajaan pengajian dan pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Petaling selaku Ketua Jabatan sepanjang tempoh pengajian.

Selain itu, sekalung penghargaan buat rakan-rakan sekuliah yang sentiasa berada bersama-sama sepanjang tempoh pengajian. Akhir sekali, penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada 361 orang responden warga emas Bandar Petaling Jaya atas kerjasama sepanjang kajian ini. Tanpa kerjasama dan sokongan mereka kajian ini pasti tidak dapat direalisasikan.

ABSTRAK

Menurut *World Population Prospects: 2017 Revision (2017)*, 9.68% penduduk Malaysia merupakan warga emas dan Malaysia dijangka mencapai status negara menua menjelang tahun 2030. Peningkatan komposisi warga emas bukan sahaja tertumpu di kawasan luar bandar malah kepesatan urbanisasi meningkatkan komposisi warga emas di kawasan bandar. Ia memberi kesan kepada kualiti hidup warga emas seperti peningkatan kes pengabaian dan sindrom kesunyian dikalangan mereka yang menjejaskan kehidupan tua mereka. Sehubungan itu, perumahan khusus bagi warga emas yang berupaya menyokong penglibatan sosial amat diperlukan terutamanya dalam membentuk komuniti tua yang aktif dan sejahtera. *Cohousing* merupakan satu konsep perumahan berfokuskan kehidupan bermasyarakat yang berupaya menangani isu warga emas dan menggalakkan penuaan aktif dikalangan mereka. *Cohousing* telah dilaksanakan di pelbagai negara namun ia merupakan konsep baharu di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk menilai potensi pembangunan *cohousing* sebagai perumahan khas warga emas bandar ke arah penuaan aktif. Kajian kuantitatif dilaksanakan ke atas 361 orang warga emas Bandar Petaling Jaya bagi menilai penerimaan mereka terhadap elemen-elemen pembangunan *cohousing* sebagai perumahan khas warga emas bandar. Hasil kajian mendapati pembangunan *cohousing* berpotensi untuk diperkenalkan sebagai perumahan khas warga emas bandar di Malaysia kerana hasil kajian ini memperoleh respon positif daripada para responden. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan asas kepada pihak Kerajaan dan pemaju perumahan dalam membangunkan sektor perumahan khas warga emas yang komprehensif berasaskan keperluan mereka dan berupaya menggalakkan penuaan aktif melalui pengenalan pembangunan *cohousing*.

ABSTRACT

According to the World Population Prospects: 2017 Revision (2017), 9.68% of Malaysians are senior citizens and Malaysia is expected to achieve ageing nation status by 2030. The increasing composition of the senior citizens are not only concentrated in rural areas but also in urban areas due to the rapidity of urbanization. It affected their quality of life such as increasing cases of neglects and loneliness syndrome among them. Hence, special housing scheme for senior citizens that capable to encourage social engagement is highly needed especially in forming active and prosperous ageing community. Cohousing is a concept of community-focused housing that aims to address the issues of senior citizens and encourage active ageing among them. Cohousing has been implemented in many countries, but it is a new concept in Malaysia. This study was conducted to assess the potential of cohousing development as a housing scheme for urban seniors towards active ageing. A quantitative study was conducted on 361 seniors of Bandar Petaling Jaya to assess their acceptance towards elements of cohousing development as a housing scheme for urban seniors. The result shows that cohousing development as a special housing for urban seniors has the potential to be implemented in Malaysia due to the positive response from respondents. The results of this study can be used as a basic guide to the Government and housing developers in developing a comprehensive senior housing sector that promotes active ageing based on their needs through the introduction of cohousing development.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI SIMBOL	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat Kajian	8
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Skop Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.6.1 Agensi Kerajaan	10
	1.6.2 Pemaju Perumahan	10
	1.6.3 Ahli Akademik	11
	1.6.4 Warga Emas	11
	1.7 Metodologi Kajian	11
	1.7.1 Rekabentuk Kajian	12
	1.7.1.1 Peringkat 1 – Kenalpasti Masalah, Objektif dan Kaedah Kajian	13

1.7.1.2	Peringkat 2 - Kajian Literatur	14
1.7.1.3	Peringkat 3 - Pengumpulan Data	14
1.7.1.4	Peringkat 4 - Analisis Data	20
1.7.1.5	Peringkat 5 – Kesimpulan dan Cadangan	20
1.8	Susunatur Bab	20
1.8.1	Bab 1 - Pendahuluan	21
1.8.2	Bab 2 – Penuaan Aktif dan Perumahan Warga Emas	21
1.8.3	Bab 3 – Kawasan Kajian	21
1.8.4	Bab 4 – Analisis Kajian	22
1.8.5	Bab 5 - Cadangan dan Kesimpulan	22
BAB 2	PENUAAN AKTIF DAN PERUMAHAN WARGA EMAS	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Penuaan Penduduk di Malaysia	23
2.2.1	Definisi Penuaan dan Warga Emas	24
2.2.2	Trend Penuaan Penduduk di Malaysia	26
2.2.3	Faktor-Faktor Penuaan Penduduk	28
2.2.3.1	Peningkatan Jangka Hayat Penduduk	28
2.2.3.2	Penurunan Kadar Fertiliti Penduduk	29
2.2.3.3	Penurunan Kadar Mortaliti Penduduk	30
2.2.3.4	Penurunan Kadar Pertumbuhan Penduduk	30
2.3	Penuaan Aktif	31
2.3.1	Definisi Penuaan Aktif	32
2.3.2	Faktor-Faktor Penentu Penuaan Aktif	34
2.4	Perumahan Warga Emas	37
2.4.1	Definisi Rumah dan Perumahan	37
2.4.2	Keperluan Perumahan Bagi Warga Emas	39
2.4.3	Petempatan Warga Emas di Malaysia	40
2.4.4	Perumahan untuk Penuaan Aktif Warga Emas	43
2.5	Pembangunan Perumahan <i>Cohousing</i>	45
2.5.1	Konsep Pembangunan <i>Cohousing</i>	45
2.5.2	Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	49
2.5.2.1	Elemen 1 – Proses Penyertaan	50
2.5.2.2	Elemen 2 – Rekabentuk Kejiranan	51

2.5.2.3	Elemen 3 – Kemudahan Bersama dan Perkongsian Ruang	52
2.5.2.4	Elemen 4 – Pengurusan Komuniti	53
2.5.2.5	Elemen 5 - Struktur Tanpa Hierarki	53
2.5.2.6	Elemen 6 – Tiada Perkongsian Ekonomi	54
2.5.3	Pembangunan <i>Cohousing</i> Sebagai Perumahan Khas Warga Emas	54
2.5.4	Pembangunan <i>Cohousing</i> untuk Penuaan Aktif	55
2.6	Rumusan	56
BAB 3	KAWASAN KAJIAN	59
3.1	Pengenalan	59
3.2	Negeri Selangor Darul Ehsan	59
3.3	Daerah Petaling	62
3.4	Bandar Petaling Jaya	64
3.4.1	Justifikasi Pemilihan Bandar Petaling Jaya Sebagai Kawasan Kajian	66
3.5	Pengurusan Hal Ehwal Warga Emas Bandar Petaling Jaya	67
3.5.1	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling	67
3.5.2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	68
3.5.3	Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Daerah Petaling	69
3.6	Rumusan	72
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	73
4.1	Pengenalan	73
4.2	Pemeriksaan Data dan Analisis Awal	74
4.3	Analisis Kajian	74
4.3.1	Analisis Demografi	74
4.3.2	Analisis Penerimaan Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i> Sebagai Perumahan Khas Warga Emas Bandar	83
4.3.2.1	Analisis Frekuensi Penerimaan Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	86

4.3.2.2	Analisis Min dan Median Penerimaan Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	93
4.3.2.3	Analisis Skala Likert Penerimaan Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	98
4.3.2.4	Analisis Tabulasi Silang Penerimaan Elemen 1 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Proses Penyertaan	107
4.4	Rumusan	112
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	115
5.1	Pengenalan	115
5.2	Penemuan Kajian	115
5.2.1	Objektif Pertama: Mengenalpasti Elemen-elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	116
5.2.2	Objektif Kedua: Mengkaji Penerimaan Warga Emas Bandar Terhadap Elemen-elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	117
5.3	Cadangan Kajian	118
5.3.1	Penyediaan Pusat Aktiviti dan Kemudahan Awam yang Menyokong Keterlibatan Sosial Warga Emas	118
5.3.2	Pengenalan Pembangunan <i>Cohousing</i> Sebagai Perumahan Khas Warga Emas Secara <i>Retrofit</i>	119
5.3.3	Penggubalan Dasar Perumahan Khas Warga Emas	119
5.4	Limitasi Kajian	120
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	120
5.5.1	Kajian Potensi Pembangunan <i>Cohousing</i> Sebagai Perumahan Khas Warga Emas Bandar daripada Perspektif Pihak Berkepentingan	120
5.5.2	Kajian Terhadap Penyertaan Komuniti dalam Proses Pembangunan <i>Cohousing</i>	121
5.5.3	Kajian Kesesuaian Model Pembangunan <i>Cohousing</i> di Malaysia	121
5.6	Kesimpulan	122

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Penetapan Had Umur Minima Warga Emas Peringkat Global	25
Jadual 2.2	Taburan Penduduk Malaysia Tahun 1970 hingga Tahun 2019	26
Jadual 2.3	Unjuran Penduduk Malaysia Tahun 2020 hingga Tahun 2040	27
Jadual 2.4	Aspek Penuaan Aktif WHO	33
Jadual 2.5	Model Pembangunan Perumahan <i>Cohousing</i>	48
Jadual 3.1	Data Kependudukan Semasa Selangor Darul Ehsan	61
Jadual 3.2	Data Kependudukan Semasa Daerah Petaling	62
Jadual 3.3	Data Kependudukan Semasa Bandar Petaling Jaya	65
Jadual 3.4	Taburan Penduduk Semasa Daerah Petaling Mengikut Kumpulan Umur	66
Jadual 3.5	Senarai Jawatankuasa Kecil JPWED Petaling	71
Jadual 4.1	Jadual Analisis Profil Responden	75
Jadual 4.2	Senarai Item Soal Selidik bagi Konsep Pembangunan <i>Cohousing</i> Sebagai Perumahan Khas Warga Emas Bandar	84
Jadual 4.3	Taburan Maklumbalas Responden Terhadap Elemen 1 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Proses Penyertaan	86
Jadual 4.4	Taburan Maklumbalas Responden Terhadap Elemen 2 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Rekabentuk Kejiranan	87
Jadual 4.5	Taburan Maklumbalas Responden Terhadap Elemen 3 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Kemudahan Bersama dan Perkongsian Ruang	89
Jadual 4.6	Taburan Maklumbalas Responden Terhadap Elemen 4 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Pengurusan Komuniti	90
Jadual 4.7	Taburan Maklumbalas Responden Terhadap Elemen 5 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Struktur Tanpa Hierarki	91

Jadual 4.8	Taburan Maklumbalas Responden Terhadap Elemen 6 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Tiada Perkongsian Ekonomi	92
Jadual 4.9	Jadual Interpretasi Skor Min bagi Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	99
Jadual 4.10	Jadual Interpretasi Skor Min bagi Item-Item Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	99
Jadual 4.11	Jadual Intepretasi Skor Min Purata bagi Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	105
Jadual 4.12	Jadual Tabulasi Silang di antara Profil Jantina Responden dan Elemen 1 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Proses Penyertaan	107
Jadual 4.13	Analisis Tabulasi Silang di antara Pendapatan Bulanan Responden dan Elemen 1 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Proses Penyertaan	111

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Rekabentuk Kajian	12
Rajah 2.1	Trend Perubahan Komposisi Penduduk Malaysia Tahun 1970 hingga Tahun 2040	28
Rajah 2.2	Jangka Hayat Penduduk Malaysia Mengikut Jantina	29
Rajah 2.3	Kadar Fertiliti Penduduk Malaysia	29
Rajah 2.4	Kadar Mortaliti Kasar Penduduk Malaysia	30
Rajah 2.5	Kadar Pertumbuhan Penduduk Malaysia	31
Rajah 2.6	Kerangka Penuaan Aktif WHO	32
Rajah 2.7	Faktor Penentu Utama Penuaan Aktif	34
Rajah 2.8	Hierarki Keperluan Maslow	38
Rajah 2.9	Elemen Pembangunan <i>Cohousing</i>	50
Rajah 3.1	Peta Negeri Selangor Darul Ehsan	60
Rajah 3.2	Pecahan Kawasan Daerah Petaling	63
Rajah 3.3	Pembahagian Zon Kawasan MBPJ	64
Rajah 3.4	Struktur Organisasi Pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara	70
Rajah 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur	77
Rajah 4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	78
Rajah 4.3	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	79
Rajah 4.4	Taburan Responden Mengikut Sumber Pendapatan	80
Rajah 4.5	Taburan Responden Mengikut Status Pekerjaan dan Pendapatan Bulanan	81
Rajah 4.6	Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan	82
Rajah 4.7	Taburan Penduduk Mengikut Keahlian Isi Rumah	82
Rajah 4.8	Taburan Responden Mengikut Status Kediaman	83

Rajah 4.9	Nilai Skor Min dan Skor Median Elemen 1 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Proses Penyertaan	94
Rajah 4.10	Nilai Skor Min dan Skor Median Elemen 2 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Rekabentuk Kejiranan	94
Rajah 4.11	Nilai Skor Min dan Skor Median Elemen 3 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Kemudahan Bersama dan Perkongsian Ruang	95
Rajah 4.12	Nilai Skor Min dan Skor Median Elemen 4 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Pengurusan Komuniti	96
Rajah 4.13	Nilai Skor Min dan Skor Median Elemen 5 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Struktur Tanpa Hierarki	97
Rajah 4.14	Nilai Skor Min dan Skor Median Elemen 6 Pembangunan <i>Cohousing</i> – Tiada Perkongsian Ekonomi	98

SENARAI SINGKATAN

DPN 2	-	Dasar Perbandaran Negara Kedua
IBM SPSS	-	<i>IBM Statistical Package for the Social Sciences</i>
ICAA	-	<i>International Council on Active Ageing</i>
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPWKM	-	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
MAKPEM	-	Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan
MBPJ	-	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	-	Majlis Bandaraya Shah Alam
OECD		<i>Organisation for Economic Cooperation and Development</i>
PAWE	-	Pusat Aktiviti Warga Emas
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
RFN Ke-3	-	Rancangan Fizikal Negara Ketiga
RMKe-11	-	Rancangan Malaysia Kesebelas

SENARAI SIMBOL

- \geq - Sama atau lebih besar
- \leq - Sama atau lebih kecil

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Instrumen Soal Selidik	137

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peningkatan populasi penduduk tua merupakan satu fenomena global abad ke-21 yang bukan sahaja dihadapi oleh negara-negara maju malah juga dihadapi oleh negara-negara membangun. Merujuk kepada *United Nations* (2013), jumlah populasi penduduk tua dunia pada tahun 2013 adalah 841 juta dan jumlah tersebut diunjurkan terus meningkat dengan mendadak sehingga mencecah angka dua bilion menjelang tahun 2050. Negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Korea dan China telah mencapai status negara tua. Ia adalah kerana golongan warga tua di negara-negara tersebut telah mencapai 15% daripada komposisi keseluruhan penduduk seperti yang diterimapakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna pada tahun 1992 (*United Nations, 2013*). Sejarar dengan peningkatan populasi penduduk tua global, pelbagai program telah direncana di peringkat antarabangsa bagi menghasilkan dokumen sebagai rujukan dalam mendepani isu tersebut. Antara dokumen-dokumen rujukan tersebut adalah seperti berikut;

- i. *Vienna International Plan of Action, 1982;*
- ii. *Principles for Older Persons, 1991;*
- iii. *International Conference on Population and Development, 1994;*
- iv. *The Copenhagen Declaration on Social Development, 1995;*
- v. *Agenda for Action on Social Development in the ESCAP Region, revised 1997;*
- vi. *Macao Declaration and Plan of Action on Ageing for Asia and the Pacific, 1999;*
- vii. *Shanghai Implementation Strategy, 1999;*
- viii. *Millenium Development Goals, 2000;*
- ix. *Madrid International Plan of Action on Ageing (MIPAA), 2002;*
- x. *World Health Organization (WHO) Active Ageing Framework, 2002; dan,*

xi. United Nations Guide to the National Implementation of the Madrid International Plan of Action on Ageing, 2008.

Malaysia sebagai sebuah negara membangun juga tidak terkecuali menghadapi fenomena penuaan penduduk malah komposisi penduduk warga tua Malaysia disasarkan meningkat daripada 7% sehingga 14% dalam tempoh masa 28 tahun berbanding Sweden yang mengambil masa selama 112 tahun (*United Nations, 2007*). Komposisi penduduk warga tua di Malaysia telah mencatatkan peningkatan dengan perlahan daripada 5.2% pada tahun 1990 kepada 6.2% pada tahun 2000 dan mencecah 8.0% daripada 28.5 juta penduduk pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Jumlah warga tua iaitu penduduk berumur 60 tahun ke atas semakin meningkat saban tahun manakala penduduk yang berusia 15 tahun dan ke bawah semakin menurun (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014). Peningkatan tersebut dijangka berterusan sehingga mencecah angka 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk pada tahun 2030 menjadikan Malaysia berstatus negara menua (Hamid et al., 2013; Sulaiman, 2011). Corak peningkatan populasi warga tua bukan sahaja tertumpu kepada kawasan luar bandar tetapi ia juga terjadi di kawasan bandar sejajar dengan transformasi urbanisasi negara (Hassan, 2009).

Peningkatan populasi warga tua merupakan satu fenomena yang memberi impak dan cabaran kepada negara untuk merangka dasar dan program bagi menangani isu-isu mereka. Malah, sesetengah negara seperti Jepun menganggap jumlah warga tua yang tinggi sebagai satu masalah kepada negara (*Pew Research Center, 2014*). Hal ini kerana pertambahan bilangan individu yang tua dan lemah memerlukan perhatian khusus oleh masyarakat (Lukman Z. Mohamad et al., 2001). Masalah-masalah seperti pengabaian warga tua, krisis kewangan, kemerosotan kesihatan dan sindrom kesunyian telah memberi implikasi dan cabaran kepada Kerajaan untuk memastikan penuaan aktif dikalangan warga tua.

Sehubungan itu, Kerajaan telah menilai semula Dasar Warga Tua Negara yang telah digubal pada tahun 1995 dengan merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991), Dasar Sosial Negara (2003), Dasar Kesihatan Warga Emas (2008) dan Wawasan 2020

serta Rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia bertujuan untuk menghadapi fenomena penuaan penduduk. Hasil daripada penilaian semula tersebut, Dasar Warga Emas Negara (2011) telah diperkenalkan bertujuan untuk membentuk warga tua yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri mereka melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Peningkatan populasi warga tua negara juga memberi kesan kepada sektor perumahan. Peningkatan populasi tersebut meningkatkan permintaan kemudahan perumahan atau kediaman yang bersesuaian dan mesra warga tua bagi menjamin kesejahteraan hidup dan menggalakkan penuaan aktif dikalangan mereka. Seajar dengan peningkatan permintaan dan keperluan kemudahan perumahan yang menggalakkan penuaan aktif dan menjamin kesejahteraan komuniti, Rancangan Fizikal Negara Ketiga (Teras 3 – Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni) telah dirangka dengan memberi fokus utama terhadap keperluan perumahan atau kediaman warga tua.

Menjelang tahun 2040, Malaysia dijangka mengalami perubahan struktur dan demografi penduduk iaitu golongan warga tua diunjurkan mencecah 19.8% daripada komposisi penduduk manakala saiz purata isi rumah mencatatkan penurunan daripada 4.3 pada tahun 2010 kepada 3.8 pada tahun 2040 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3) telah mengambilkira perubahan tersebut dengan memberi keutamaan kepada keperluan penduduk menua dalam aspek penyediaan kemudahan perumahan atau kediaman yang merangkumi lima elemen iaitu keselesaan, kemudahan sokongan, daya huni, keselamatan dan kecemasan. Penekanan terhadap elemen-elemen tersebut menyumbang kepada penuaan aktif dikalangan warga tua dan membantu menangani isu-isu yang dihadapi oleh mereka.

Selain daripada RFN Ke-3, Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2) juga memberi penekanan kepada penyediaan kemudahan kepada golongan warga tua seperti penyediaan perumahan dengan rekabentuk yang bersesuaian dan fleksibel untuk pelbagai generasi dan mempertingkat kemudahan berasaskan keperluan warga tua dalam perancangan pembangunan bandar. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

(PLANMalaysia) juga telah mengeluarkan Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas (2018) sebagai panduan utama perancangan fizikal kepada agensi Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi awam, agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan para pelajar dalam merancang, membangun dan merekabentuk kemudahan petempatan warga tua.

Kesimpulannya, fenomena penuaan penduduk merupakan satu isu yang tidak dapat dielakkan dan perlu ditangani dengan baik. Dasar dan strategi pembangunan warga tua yang dirancang pada masa hadapan hendaklah mengambil kira kemampuan sosial dan penuaan aktif termasuk dalam aspek penyediaan perumahan atau kediaman mereka. Penyediaan kemudahan perumahan atau kediaman warga tua yang bersesuaian juga boleh menangani peningkatan permintaan terhadap pusat penjagaan warga tua awam mahupun swasta terutamanya di kawasan bandar.

1.2 Pernyataan Masalah

Sebagai sebuah negara membangun, peningkatan komposisi penduduk tua adalah selari dengan kemajuan pembangunan negara menyebabkan Malaysia mencapai status negara menua dalam tempoh masa yang singkat. Trend tersebut berbeza dengan negara maju yang mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai status negara tua. Sebagai contoh, Perancis mengambil masa selama 115 tahun untuk mencapai status negara tua manakala Amerika Syarikat mencapai status tersebut dalam tempoh 80 tahun (United Nations, 2007). Justeru kedua-dua negara tersebut memiliki masa yang mencukupi untuk bersedia dengan penyediaan kemudahan mesra warga tua termasuk akses kemudahan kesihatan, pusat penjagaan dan skim perumahan warga tua. Oleh hal yang demikian, Kerajaan perlu bersedia dengan perancangan yang komprehensif merangkumi pelbagai aspek untuk mendepani impak penuaan penduduk memandangkan Malaysia bakal mencapai status negara menua terlebih dahulu sebelum menjadi negara maju. Pendekatan semasa yang berorientasikan kebajikan hanya menyentuh sebahagian kecil golongan warga tua sedangkan potensi mereka boleh diperkukuhkan melalui strategi penggalakan penuaan aktif dikalangan mereka.

Falsafah Dasar Warga Emas Negara (2011) adalah mengiktiraf warga emas ataupun warga tua sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan berkebolehan untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara. Kesejahteraan hidup warga emas tercapai apabila warga emas menikmati keseimbangan dalam lima dimensi kesejahteraan termasuk penuaan aktif. Penuaan aktif merujuk kepada proses mengoptimalkan peluang dan penglibatan warga emas dalam keluarga dan masyarakat ke arah memberdaya warga emas untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka (Dasar Warga Emas Negara, 2011). Walaubagaimanapun, isu-isu yang membelenggui kehidupan warga emas perlu ditangani termasuk isu kemudahan perumahan atau kediaman kerana ia menjejaskan penuaan aktif mereka.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (2014) mendapati seorang daripada tiga orang warga emas pernah mengalami perasaan kesunyian terutamanya dikalangan warga emas yang berumur 70 tahun ke atas. Hasil kajian tersebut juga disokong oleh statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (2017) yang merekodkan 23% daripada 2.4 juta warga emas mengalami Sindrom Sarang Kosong iaitu rasa kesunyian dan kesedihan akibat hidup bersendirian kerana berjauhan dengan anak-anak. Perasaan kesunyian dan kesedihan berpunca daripada pelbagai faktor seperti personaliti individu, budaya dan juga nilai yang dipegang oleh seseorang individu tersebut (Amran et al., 2012). Kebanyakan warga emas yang mengalami sindrom kesunyian adalah golongan yang tidak dipedulikan oleh keluarga terdekat dan tinggal keseorangan (Amran et al., 2012). Kesan daripada sindrom tersebut, warga emas lebih berisiko mengalami kemerosotan daripada aspek biologi, fizikal, sosial dan psikologi sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Sehubungan itu, penyediaan kemudahan kediaman atau perumahan, pengangkutan, makanan dan bantuan kewangan serta sokongan penjagaan bukan fizikal melalui kemudahan penjagaan harian, komunikasi dan pendampingan sosial amat diperlukan bagi menjamin warga emas menikmati penuaan aktif dan kehidupan tua yang berkualiti.

Kemudahan kediaman atau perumahan yang bersesuaian dan merangsang jaringan perhubungan sosial sesama masyarakat berupaya untuk mengurangkan risiko warga emas terhadap sindrom kesunyian dan kesedihan. Hal ini kerana kekurangan

jaringan perhubungan sosial menyebabkan warga emas berasa ketidakpuasan yang merupakan faktor kepada sindrom kesunyian (Hall dan Havens, 1999). Pengenal skim kemudahan kediaman atau perumahan yang menyokong keperluan interaksi dan perhubungan sosial amat penting kerana kedua-dua elemen tersebut merupakan faktor penyumbang ke arah kesejahteraan sosial dan kehidupan berkualiti warga emas.

Selain daripada sindrom kesunyian, kes-kes pengabaian warga emas juga merupakan salah satu cabaran negara dalam mengharungi fenomena penuaan penduduk. Kajian prevalen penderaan dan pengabaian dikalangan warga emas oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2014 mendapati seorang daripada 10 orang warga emas di kawasan bandar iaitu Kuala Lumpur dan seorang daripada 20 orang warga emas di kawasan luar bandar iaitu Kuala Pilah mengalami pengabaian (Harian Metro, 24 Februari 2019). Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan (MAKPEM) pula mendapati seorang daripada 10 warga emas diabaikan oleh ahli keluarga walaupun tinggal serumah. Kedua-dua dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pengabaian warga emas bukan hanya tertumpu kepada golongan warga emas luar bandar tetapi golongan warga emas bandar juga tidak terkecuali daripada mengalami masalah pengabaian.

Perkadaran penduduk bandar di Malaysia juga telah meningkat iaitu daripada 24.5% pada tahun 1957 kepada 50.8% (1990) dan seterusnya meningkat kepada 71% pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Peningkatan perkadaran penduduk bandar hasil daripada kepesatan urbanisasi negara menunjukkan bahawa bilangan warga tua di kawasan bandar juga turut meningkat malah lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar (Mafauzy, 2000). Pengabaian warga emas di kawasan bandar berpunca daripada tekanan kehidupan dan desakan ekonomi anak-anak. Menurut Aishah dan Katiman (2012), kesibukan dan komitmen terhadap pendidikan, kerjaya dan keluarga sendiri menjadi faktor penghalang kepada anak-anak untuk menjaga dan menguruskan ibubapa walaupun tinggal bersama-sama mereka. Trend tersebut kian meluas dan ketara di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Selain itu, Ahmad (2009) mendapati kebanyakan warga emas yang tinggal bersendirian memiliki rumah yang usang dan tidak sempurna. Kedua-dua kajian tersebut menunjukkan bahawa pengabaian oleh anak-anak dan keadaan fizikal

kediaman yang tidak sempurna menjejaskan kesejahteraan hidup warga emas sekaligus menggagalkan mereka untuk menikmati penuaan aktif.

Keupayaan warga emas untuk kekal aktif, cergas dan sihat bergantung kepada adanya wang yang mencukupi bagi menyokong keperluan kehidupan untuk bersosial dengan masyarakat (*Personal Finance Research Centre, 2014*). Santhi (2006) mendapati pola perbelanjaan golongan tua sekitar Johor Bahru adalah lebih tinggi berbanding pendapatan yang diterima oleh mereka. Kegagalan mengurus kewangan telah memberi kesan kepada penjagaan kesihatan seterusnya menjejaskan kehidupan sosial mereka. Sehubungan itu, Kerajaan perlu memperuntukkan jumlah perbelanjaan yang besar melalui bantuan kewangan kepada warga emas yang menghadapi krisis kewangan untuk menanggung kos pembiayaan penjagaan kesihatan (Selvaratnam dan Tin, 2007) dan memastikan penyediaan kemudahan dan infrastruktur khas warga emas yang bersesuaian demi menggalakkan kehidupan aktif dan sihat dikalangan mereka (Hamid, 2015).

Corak tempat tinggal memberi banyak implikasi ke atas kesejahteraan hidup orang tua (Smolak, 1993) kerana tempat tinggal bukan sahaja berperanan untuk memenuhi keperluan utilitarian terutamanya dalam aspek perlindungan dan keselamatan fizikal, malah tempat tinggal juga berperanan untuk memenuhi keperluan emosi penghuni. Oswald dan Wahl (2004) menyatakan bahawa perumahan dengan sokongan persekitaran dan sosiobudaya memberi kesan langsung ke atas kehidupan warga tua. Hal ini kerana sebahagian besar masa warga emas dihabiskan di kediaman masing-masing dengan melaksanakan rutin harian mereka berbanding generasi muda kerana warga emas tidak terikat dengan komitmen pekerjaan. Selain itu, sebahagian besar aktiviti seharian warga emas juga berkisar dalam kawasan kejiranan. Sehubungan itu, pelbagai negara telah melaksanakan pelbagai strategi dalam aspek penyediaan kemudahan kediaman atau perumahan yang menggalakkan warga tua menjalani kehidupan aktif dan sihat di dalam kejiranan sendiri (Mosca et al., 2017). Walaubagaimanapun, kajian perbandingan perumahan warga emas di Malaysia, New Zealand dan Australia mendapati skim perumahan di Malaysia masih jauh ketinggalan daripada segi penyediaan peralatan dan kemudahan bersesuaian untuk warga emas (Doris et. al, 2008).

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah supaya terdapat skim perumahan khusus untuk warga emas bandar yang berupaya mendorong penuaan aktif dikalangan mereka.

1.4 Objektif Kajian

Ke arah mencapai matlamat kajian yang telah digariskan, kajian ini dijalankan dengan objektif seperti berikut;

- i. Mengenalpasti elemen-elemen pembangunan *cohousing*; dan,
- ii. Mengkaji penerimaan warga emas bandar terhadap elemen-elemen pembangunan *cohousing*.

1.5 Skop Kajian

Rujukan ke atas kajian-kajian lepas mendapati kebanyakan kajian tersebut menumpukan kepada isu-isu berkaitan kesan-kesan penuaan dikalangan penduduk negara dan keperluan kemudahan sokongan kepada mereka seperti penyediaan kemudahan pusat penjagaan, pusat rawatan dan lain-lain lagi. Contohnya, kajian *The Changing Needs of Older Malaysians: A Selangor Case Study* (Lim, 2012), Prospek Permintaan Terhadap Perkhidmatan Penjagaan Warga Tua (Fariza Ahmad dan Wook Endut, 2009) dan Pandangan Warga Tua di Rumah Warga Tua: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru (Shalini Sanmargaraja dan Seow Ta Wee, 2015). Ketiga-tiga kajian tersebut memberi penumpuan terhadap kemudahan kediaman warga emas yang disediakan melalui pusat penjagaan berkediaman dan pusat jagaan harian.

Kajian-kajian berkaitan skim perumahan alternatif sebagai perumahan khas warga emas seperti *cohousing* masih belum dijalankan secara meluas di Malaysia dan ia merupakan konsep baharu bagi negara berbanding negara-negara luar terutamanya

negara-negara Benua Eropah. Malah, keperluan kemudahan kediaman mesra warga emas hanya mula diberi tumpuan oleh Kerajaan bermula pada tahun 2016 melalui RFN Ke-3 dan Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas (2018). Walaubagaimanapun, kajian bertajuk *The Potential of Sustainable Cohousing to Support Social Interaction for Active Ageing Neighbourhood: A Conceptual Framework* (N. Jumadi et. al, 2017) merupakan antara kajian yang telah dijalankan di Malaysia dan menghasilkan satu rangkakerja konsep (*Conceptual Framework*) pembangunan *cohousing* sebagai panduan kepada semua pihak untuk mempertingkatkan pemahaman berkaitan konsep pembangunan tersebut.

Sehubungan itu, skop yang ditetapkan dalam pelaksanaan kajian ini adalah seperti berikut;

- i. Kajian ini tertumpu kepada analisa penerimaan para responden terhadap elemen-elemen pembangunan *cohousing*. Tumpuan kepada skop ini membantu penyelidik dalam mengenalpastian potensi pembangunan *cohousing* sebagai skim perumahan khas warga emas bandar;
- ii. Sejajar dengan peningkatan trend perbandaran yang menyumbang kepada peningkatan warga emas di kawasan bandar, skop kajian yang ditetapkan adalah Bandar Petaling Jaya, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan; dan,
- iii. Responden kajian ini terdiri daripada warga emas berumur 65 tahun dan ke atas yang menetap di Bandar Petaling Jaya.

1.6 Kepentingan Kajian

Secara amnya, kajian ini menumpukan kepada fenomena penuaan penduduk negara dan mengenalpastian potensi pembangunan *cohousing* sebagai salah satu skim perumahan alternatif warga emas bandar yang berupaya mendorong penuaan aktif. Oleh kerana Malaysia disasarkan mencapai status negara menua dalam waktu terdekat, hasil kajian ini diharapkan boleh menjadi panduan pelbagai pihak untuk merencana langkah-langkah persediaan awal dalam sektor pembangunan perumahan dan pembangunan komuniti tua negara. Berikut merupakan kepentingan kajian ini;

1.6.1 Agensi Kerajaan

Hasil kajian ini amat berfaedah kepada Kerajaan dalam menambahbaik dasar-dasar sedia ada dan merangka dasar-dasar baharu yang holistik serta memenuhi pelbagai aspek keperluan pembangunan warga emas seperti keperluan penjagaan kesihatan, gaya hidup, jaringan sosial, kemudahan kediaman dan lain-lain kemudahan ke arah kehidupan tua yang lebih berkualiti dan sejahtera.

Selain itu, hasil kajian ini juga amat penting bagi agensi-agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembangunan warga emas. Pengenalan pembangunan *cohousing* sebagai skim perumahan khas warga emas khususnya di kawasan bandar merupakan satu alternatif yang berupaya menggalakkan warga emas menjalani kehidupan tua secara bebas tanpa bergantung kepada sokongan Kerajaan. Ia berupaya menyumbang kepada penurunan permintaan dan keperluan pusat penjagaan warga emas serta mengurangkan implikasi kewangan Kerajaan dalam pengoperasian pusat-pusat penjagaan tersebut. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga boleh menggunakan hasil kajian ini dalam merangka dasar dan pelan pembangunan sektor perumahan dan perbandaran khususnya dalam aspek pembangunan perumahan warga emas bandar.

1.6.2 Pemaju Perumahan

Kajian kemungkinan merupakan asas utama bagi setiap pemaju perumahan dalam membuat keputusan untuk membangunkan sesebuah projek perumahan. Kajian kemungkinan pasaran merupakan salah satu pendekatan kajian kemungkinan yang bertujuan untuk memastikan tahap daya maju sesebuah projek perumahan. Justeru hasil kajian ini bermanfaat kepada pemaju perumahan dalam merangka strategi pembangunan sektor perumahan khas warga emas bandar berasaskan keperluan mereka yang merupakan prospek pasaran dan pengguna akhir bagi pembangunan tersebut.

1.6.3 Ahli Akademik

Kajian-kajian ilmiah merupakan sumber rujukan yang amat penting dalam mana-mana penyelidikan. Oleh kerana kajian berkaitan pembangunan kemudahan perumahan atau kediaman khas warga emas masih belum dilaksanakan secara meluas, hasil kajian ini berperanan sebagai sumber rujukan bagi penyelidikan-penyelidikan lanjutan dalam bidang penuaan penduduk dan pembangunan sektor perumahan negara. Melalui hasil kajian ini juga, para ahli akademik boleh menjalankan penyelidikan yang lebih komprehensif ke arah pembentukan komuniti warga emas yang aktif dan sejahtera melalui penyediaan kemudahan perumahan atau kediaman yang bersesuaian.

1.6.4 Warga Emas


Kajian ini memberi satu pilihan kehidupan sosial warga emas melalui penyediaan kemudahan perumahan atau kediaman yang berpotensi membendung pengasingan sosial dikalangan warga emas terutamanya warga emas bandar. Pengenalan skim perumahan *cohousing* khas warga emas bandar juga mendorong mereka untuk kekal aktif dan terus menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru, hasil kajian ini memberikan pilihan kepada masyarakat setempat khususnya warga emas untuk menentukan corak kehidupan tua mereka.

1.7 Metodologi Kajian

Menurut Othman Mohamed (2001), metodologi merupakan prosedur sistematik menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian dan analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri agar objektif penyelidikan berjaya dicapai dengan baik. Metodologi kajian merangkumi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam usaha mencapai objektif dan matlamat kajian yang telah ditetapkan. Ia bertujuan untuk memandu arah dan memastikan kajian dijalankan dengan sistematik dan menggunakan kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian dan mencapai objektif kajian.

1.7.1 Rekabentuk Kajian

Pembangunan rekabentuk kajian merupakan salah satu proses dan komponen mandatori dalam menjalankan penyelidikan. Menurut Bryman (2008), rekabentuk kajian merupakan sebuah kerangka yang digunakan bagi memperoleh dan memproses data manakala Robson (2011) pula menyatakan bahawa rekabentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan elemen tujuan, teori, persoalan kajian, kaedah dan strategi persampelan. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan lima peringkat utama seperti di Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Rekabentuk Kajian
(Sumber: Olahan Penyelidik, 2019)

1.7.1.1 Peringkat 1 – Kenalpasti Masalah, Objektif dan Kaedah Kajian

Peringkat pertama merupakan peringkat awalan dalam mengenalpasti isu dan permasalahan yang timbul berkaitan bidang kajian. Matlamat, objektif, skop dan kepentingan kajian ditetapkan berasaskan isu dan permasalahan yang telah dikenalpasti. Sehubungan itu, penetapan kaedah kajian yang bersesuaian untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan adalah amat penting pada peringkat ini.

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menilai penerimaan para responden terhadap elemen-elemen pembangunan *cohousing*. Oleh itu, kajian secara kuantitatif telah digunakan dalam pelaksanaan kajian ini kerana ia amat bersesuaian dalam menilai persepsi dan pendapat para responden yang mewakili saiz populasi yang besar. Ia adalah bertepatan dengan pernyataan oleh Anderson et al. (2011) yang menerangkan bahawa pendekatan secara kuantitatif digunakan secara meluas dalam penyelidikan bertumpukan kepada fakta atau data yang berkaitan dengan masalah dan membangunkan ungkapan matematikal atau angka bagi menggambarkan objektif kajian.

Menurut Cresswell (2009), kajian kuantitatif juga digunakan kerana sifatnya yang kurang memakan masa dan mempunyai risiko yang lebih rendah untuk mengesahkan hipotesis penyelidikan dan mencari pendapat daripada sampel besar dalam bentuk statistik. Sehubungan itu, kaedah kajian secara kuantitatif digunakan dalam pelaksanaan kajian ini atas faktor tempoh masa kajian yang singkat dan saiz populasi yang besar.

Pendekatan kaedah kajian kuantitatif juga didapati lebih sesuai memandangkan profil responden yang terdiri daripada warga emas berkemungkinan besar menghadapi masalah untuk memberi komitmen sepenuhnya sekiranya ia dijalankan secara kualitatif melalui temubual. Sebagai contoh, kekangan seperti ketidakupayaan fizikal, kesukaran menjawab temubual dan kesukaran menemui penyelidik menyebabkan pendekatan secara kualitatif tidak sesuai bagi pelaksanaan kajian ini.

Selain itu, pembacaan dan rujukan terhadap pelaksanaan beberapa kajian lepas yang memberi fokus kepada penilaian pendapat, pandangan atau persepsi berkaitan isu perumahan khususnya berkaitan isu perumahan warga emas mendapati kesemua kajian-kajian tersebut menggunakan pendekatan kajian secara kuantitatif. Kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut;

- i. *Senior Cohousing Model on Active Ageing Living from Muslim Perspective in Malaysia (N. Jumadi, 2018);*
- ii. *Housing Aspirations of the Elderly in Malaysia: A Comparison of Urban and Rural Areas (Aini et al., 2017);* dan,
- iii. *Modeling Age-Friendly Environment, Active Ageing, and Social Connectedness in an Emerging Asian Economy (Lai et al., 2016).*

1.7.1.2 Peringkat 2 - Kajian Literatur

Peringkat kedua iaitu kajian literatur menumpukan kepada rujukan terhadap maklumat teoritikal berkaitan fenomena penuaan dan penuaan aktif, perumahan warga emas dan elemen pembangunan perumahan *cohousing*. Maklumat-maklumat tersebut diperoleh daripada pelbagai sumber bacaan bercetak seperti jurnal, kajian-kajian terdahulu, kertas seminar dan sumber bacaan maya melalui internet.

1.7.1.3 Peringkat 3 - Pengumpulan Data

Peringkat ketiga iaitu pengumpulan data adalah berasaskan kepada data primer dan data sekunder. Secara amnya, data primer merupakan data yang diperoleh melalui kajian lapangan manakala data sekunder diperolehi melalui akses kepada rekod-rekod bahan bacaan bertulis dan bahan bacaan maya.

i. Data Primer

Menurut Yusof (2003), data primer adalah data yang diperoleh daripada sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Ia dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik,

temuduga, pemerhatian dan lain-lain. Dalam konteks penyelidikan ini, kajian lapangan melalui kaedah soal selidik telah digunapakai kerana ia merupakan satu kaedah penyelidikan bukan berbentuk eksperimen yang paling popular khususnya dalam bidang penyelidikan sains sosial.

a. Persampelan Kajian

Persampelan merupakan proses memilih sebahagian subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian bagi membuat generalisasi tentang penemuan kajian terhadap populasi tersebut. Othman Mohamed (2001) menyatakan bahawa penentuan saiz sampel mewakili keseluruhan populasi penting bagi menjamin kebolehpercayaan dan kesahan hasil kajian serta menentukan kualiti hasil kajian. Sampel yang dipilih hendaklah memiliki ciri-ciri perwakilan populasi dan memiliki ciri-ciri kecukupan bilangan bagi tujuan membuat generalisasi penemuan kajian.

Kajian ini melibatkan populasi penduduk Bandar Petaling Jaya yang berumur 65 tahun dan ke atas iaitu berjumlah 6,341 orang. Penentuan saiz sampel kajian ini adalah berasaskan formula yang diperkenal oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan saiz sampel yang diperolehi ialah 362 orang.

• **Formula Penentuan Saiz Sampel (Krejcie dan Morgan, 1970):**

$$S = \frac{X^2NP(1-P)}{D^2(N-P) + X^2P(1-P)}$$

Nota:

- S = Saiz sampel
- X² = Jadual Nilai Khi-Kuasa Dua untuk 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.05 (3.841)
- N = Saiz populasi
- P = Nisbah populasi ditetapkan sebagai 0.50 bagi mendapat saiz sampel maksimum
- D = Darjah ketepatan yang ditetapkan sebagai nisbah 0.05

- **Pengiraan Saiz Sampel Kajian;**

$$\begin{aligned}
 S &= \frac{X^2NP(1-P)}{D^2(N-P) + X^2P(1-P)} \\
 &= \frac{3.841(6,341)(0.5)(1-0.5)}{0.05^2(6,341-0.5) + 3.841(0.5)(1-0.5)} \\
 &= \frac{6,088.945}{15.851 + 0.960} \\
 &= 362.20 \\
 &= \underline{\underline{\mathbf{362 \text{ orang}}}}
 \end{aligned}$$

(Sumber: Krejcie dan Morgan, 1970)

Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan bagi meminimakan kos penyelidikan dan menjimatkan masa tanpa menjejaskan hasil kajian yang mewakili populasi kajian. Persampelan bertujuan merupakan sejenis persampelan bukan rawak yang bergantung kepada pemilihan dan penentuan penyelidik dalam pemilihan sampel dikalangan sesebuah populasi (Chua, 2011). Dalam pelaksanaan penyelidikan ini, pemilihan dan penentuan sampel adalah berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria berikut;

- Berumur 65 tahun dan ke atas;**

Data rasmi kependudukan semasa negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) telah mengkategorikan taburan penduduk kepada tiga kumpulan umur iaitu umur kanak-kanak (14 tahun dan ke bawah), umur bekerja (15 hingga 64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan ke atas). Sehubungan itu, had umur sampel yang ditetapkan bagi pelaksanaan kajian ini

adalah 65 tahun dan ke atas iaitu kumpulan umur tua selaras dengan definisi *United Nations* (1973) yang menetapkan warga emas sebagai golongan individu berumur 65 tahun dan ke atas. Penetapan tersebut juga menjamin ketepatan kajian kerana sumber maklumat utama juga menggunakan had umur tersebut sebagai umur tua.

ii. Menetap di Bandar Petaling Jaya; dan,

Para responden yang dipilih melalui persampelan bertujuan ini adalah dikalangan warga emas yang menetap di Bandar Petaling Jaya selari dengan populasi dan kawasan kajian.

iii. Berkeadaan sihat mental untuk menjawab soal selidik.

Status kesihatan mental responden juga merupakan kriteria mandatori yang perlu dinilai dalam pemilihan sampel. Sampel atau responden yang dinilai berkeadaan sihat sahaja dipilih bagi memastikan data yang diperolehi adalah sah dan boleh dipercayai untuk dianalisa.

b. Soal Selidik

Secara amnya, maklumat yang diperolehi melalui temubual dan soal selidik adalah sama (Bill, 2009). Pelaksanaan kajian ini menggunakan instrumen soal selidik berdasarkan faktor-faktor berikut;

- i. Soal selidik merupakan instrumen yang amat bersesuaian bagi memperoleh maklumat daripada bilangan responden yang ramai (Burns dan Grove, 1993). Justeru instrumen soal selidik adalah bersesuaian bagi penyelidikan ini yang melibatkan saiz sampel berjumlah 362 orang;
- ii. Instrumen soal selidik berbentuk soalan tertutup (*close-ended questions*) membolehkan maklumat diperolehi dengan lebih cepat berbanding temubual; dan,
- iii. Soal selidik lebih sesuai dan mudah dijalankan ke atas responden yang terdiri daripada warga emas dengan mengambilkira faktor keupayaan fizikal dan mental mereka.

Dalam pelaksanaan kajian kuantitatif, instrumen soal selidik merupakan sumber utama data yang dianalisis untuk mencapai objektif kajian. Rekabentuk instrumen soalselidik kajian ini diadaptasi dan diubahsuai berasaskan kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan kemudahan perumahan warga emas dan konsep pembangunan *cohousing* seperti kajian bertajuk *Active Ageing and Housing Environment Concept Among Elderly Muslim* (N. Jumadi et al., 2017) dan *Senior Cohousing Model on Active Ageing Living from Muslim Perspective in Malaysia* (N. Jumadi, 2018) serta dapatan teroritikal daripada pelbagai sumber sekunder. Penyelia kajian telah dirujuk untuk mendapatkan pengesahan muka dan kandungan instrumen soal selidik bagi memastikan instrumen tersebut berupaya mengukur apa yang sepatutnya diukur berdasarkan objektif kajian.

Instrumen soal selidik kajian ini mengandungi dua bahagian yang memberi fokus ke arah pencapaian matlamat dan objektif kajian. Perincian kedua-dua bahagian tersebut adalah seperti berikut;

- i. **Bahagian A: Latar Belakang Responden; dan,**
Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat demografi responden yang merangkumi umur, jantina, status perkahwinan, status pekerjaan, tahap pendidikan, status dan corak kediaman serta lain-lain maklumat latar belakang yang signifikan dalam pelaksanaan kajian.
- ii. **Bahagian B: Elemen Pembangunan *Cohousing*.**
Bahagian ini memberi fokus kepada pencapaian objektif kedua kajian melalui maklumbalas tahap persetujuan para responden terhadap elemen-elemen pembangunan *cohousing*.

Maklumat Bahagian A diperoleh melalui jawapan yang dikemukakan oleh para responden manakala Bahagian B memerlukan maklumbalas tahap persetujuan responden terhadap pernyataan berkaitan elemen pembangunan *cohousing* melalui Skala Likert. Ia amat bersesuaian kerana Likert (1932) telah

memperkenalkan Skala Likert bertujuan untuk menentukan sikap, karakter dan personaliti responden dalam analisa data kuantitatif.

Penyelidikan ini menggunakan *4-point Likert Scale* iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju; 2 = Tidak Setuju; 3 = Setuju; dan 4 = Sangat Setuju bagi menjimatkan masa, mengurangkan risiko ketidaktepatan data dan mengelakkan responden mengemukakan maklumbalas neutral. Ia juga merupakan bilangan optimum skala seperti yang dinyatakan oleh Lozano (2008) bahawa bilangan pilihan skala di antara empat hingga tujuh adalah jumlah optimum kerana bilangan pilihan skala kurang daripada empat akan mengurangkan kebolehpercayaan dan kesahihan data manakala bilangan pilihan skala melebihi tujuh tidak memberikan sebarang perbezaan.

Selain itu, kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu bagi menilai tahap kebolehpercayaan dan ketekalan instrumen soal selidik. Merujuk kepada Saunders et al., (2007) bilangan minimum responden bagi kajian rintis adalah 10 orang manakala Glesne dan Peshkin (1992) pula menyatakan bahawa secara idealnya responden kajian rintis diperoleh daripada sasaran kajian utama. Sehubungan itu, 20 responden yang terdiri daripada warga emas berumur 65 tahun dan ke atas menetap di Bandar Petaling Jaya telah terlibat dalam kajian rintis dan nilai *Cronbach Alpha* yang diperoleh ialah 0.810. Nilai tersebut menunjukkan bahawa instrumen soal selidik memiliki tahap kebolehpercayaan yang baik sebagaimana yang dinyatakan oleh Tavakol dan Dennick (2011) bahawa nilai *Cronbach Alpha* di antara 0.70 hingga 0.95 boleh diterimapakai manakala nilai *Cronbach Alpha* di bawah 0.70 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang rendah dan instrumen kajian perlu disemak semula.

ii. Data Sekunder

Pemerolehan dan pengumpulan data sekunder dilaksanakan melalui pembacaan ke atas rekod secara bertulis dan maya berkaitan skop kajian. Ia merangkumi laporan-laporan, kajian-kajian lepas, jurnal dan lain-lain bentuk bahan bacaan bagi membolehkan penyelidik memperolehi maklumat asas yang berkaitan.

Maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber data sekunder tersebut berperanan sebagai asas kepada pembentukan instrumen soal selidik dan menyumbang kepada pencapaian objektif pertama kajian.

1.7.1.4 Peringkat 4 - Analisis Data

Peringkat ini merupakan susulan daripada pengumpulan maklumat dan data yang diperolehi daripada para responden. Data nominal dan data ordinal yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *IBM - Statistical Package for Social Science (IBM-SPSS)* kerana ia berupaya menganalisa data yang besar, menjimatkan masa dan menjamin keputusan yang tepat dan senang difahami.

Analisis demografi dijalankan secara deskriptif melalui jadual kekerapan dan nilai peratusan sebagai perbandingan secara kuantiti manakala analisis tahap persetujuan para responden terhadap elemen pembangunan *cohousing* dijalankan secara deskriptif melalui analisis frekuensi, nilai kecenderungan pemusatan data, dan analisis Skala Likert.

1.7.1.5 Peringkat 5 – Kesimpulan dan Cadangan

Akhir sekali, penilaian dilaksanakan ke atas hasil analisis data yang diperolehi daripada maklumbalas para responden terhadap fokus kajian. Perbincangan secara terperinci merangkumi penilaian analisis terhadap data sekunder dan data primer bertujuan untuk menghasilkan jawapan ke atas permasalahan kajian dan juga untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

1.8 Susunatur Bab

Struktur kajian ini disusun secara teratur dan sistematik melalui lima bab yang merangkumi peringkat awalan kajian, hasil analisa kajian dan kesimpulan. Struktur

tersusun dan berkesinambungan antara setiap bab tersebut bertujuan untuk menerangkan keseluruhan kajian dengan lebih jelas dan mudah difahami.

1.8.1 Bab 1 - Pendahuluan

Bab 1 merupakan pengenalan kepada kajian yang menerangkan latar belakang dan pernyataan masalah, matlamat dan objektif kajian yang ingin dicapai serta kepentingan kajian kepada pihak-pihak berkepentingan. Bab ini juga menerangkan skop kajian dan membincangkan metodologi kajian yang diterapkan ke arah mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan.

1.8.2 Bab 2 – Penuaan Aktif dan Perumahan Warga Emas

Bab 2 merupakan bahagian teoritikal dan kajian literatur. Fenomena penuaan dan penuaan aktif di Malaysia merangkumi definisi penuaan, faktor-faktor penuaan aktif, corak perumahan warga emas dan ciri-ciri perumahan warga emas yang mendorong penuaan aktif dikaji sebagai asas kepada fokus kajian. Bab ini juga menerangkan secara teoritikal konsep pembangunan *cohousing* merangkumi enam elemen pembangunan *cohousing* dan pelaksanaan pembangunan *cohousing* sebagai perumahan khas warga emas. Keseluruhan intipati Bab 2 membantu mencapai objektif pertama kajian dan sebagai asas kepada pencapaian objektif kedua kajian.

1.8.3 Bab 3 – Kawasan Kajian

Bab 3 menerangkan tentang latar belakang kawasan kajian yang dipilih iaitu Bandar Petaling Jaya, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Latar belakang demografi kawasan kajian dan aspek pengurusan warga emas di kawasan tersebut dihuraikan dalam bab ini. Justifikasi pemilihan Bandar Petaling Jaya sebagai kawasan kajian juga diperjelas dalam bab ini.

1.8.4 Bab 4 – Analisis Kajian

Bab 4 mengandungi huraian analisis terperinci terhadap hasil maklumbalas yang diperoleh daripada para responden. Analisis statistik dijalankan secara deskriptif merangkumi kesemua skop kajian secara menyeluruh bagi mendapatkan hasil penemuan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

1.8.5 Bab 5 - Cadangan dan Kesimpulan

Bab 5 merupakan bab terakhir yang mengandungi perbincangan ke atas hasil kajian secara keseluruhan merangkumi rumusan pencapaian objektif kajian dan mengemukakan cadangan-cadangan kajian. Bab ini juga menjelaskan limitasi kajian dan mencadangkan kajian-kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan kelak.

RUJUKAN

- Agusyana, Y., & Islandsript. (2014). Pengolahan Data Skrip dan Penyelidikan dengan SPSS 19. (S. Yusoff & H. Noor, Eds.). S.A. Majeed & CO Sdn Bhd.
- Ahmad, F & Wook, E. (2009). Prospek Permintaan Terhadap Perkhidmatan Penjagaan Warga Tua. *Prosiding Perkembangan IV*, 1, 337–353.
- Aini, A. M., Aziz, Wan, A., Aziz, A., & Hanif, N. R. (2015). To move or not to move?: exploring future housing plan of ageing communities in Kuala Lumpur. The Asia Pacific Network for Housing Research (APNHR) Conference, Gwanju, Korea, (April), 573–579.
- Aini, A. M., Nor, W., Wan, A., Aziz, A., & Zulkifli, N. F. (2017). Middle Adults ‘ Housing Expectations for Old -age : A Study of Urban Area of Greater Kuala Lumpur. *Journal of Design and Built Environment, Special Issue*.
- Aini A.M, Murni N, . Wan, A., Aziz, A. (2016). Housing Aspirations of the Elderly in Malaysia : A Comparison of Urban and Rural Areas. *Journal of Design and Built Environment*, 16(December).
- Aishah and Katiman (2012). Warga tua melayu pinggir wilayah metropolitan, selangor, Pengalaman dan persepsi tentang diri. *Geografia. Malaysian Journal of Society and Space*, 8(6): 1-14.
- Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118). Undang-undang Malaysia, Percetakan Nasional Berhad
- Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506), Undang-undang Malaysia, Percetakan Nasional Berhad.
- Ali, Z., & Bhaskar1, S. B. (2016). Basic statistical tools in research and data analysis. *Indian Journal Anaesth.*, (54).
- Amran Hassan, Fatimah Yusoooff, & Khadijah Alavi. (2012). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan (A healty family generates prosperous community: An overview). *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5), 51-63.
- Anderson, D. R., Sweeney, D. J., Williams, T. A., Camm, J. D., & Cochran, J. J. (2011). *An Introduction to Management Science: Quantitative Approach*. Cengage learning.

- An, S., Lee, Y. and Kim, J. T. (2013). The effect of the public exercise environment on the physical activity for the active ageing of the elderly. *Indoor and Built Environment*, 22(1), 319–331.
- Bian, X. (2016). Leverage and elderly homeowners' decisions to downsize. *Housing Studies*, 31, 20–4
- Belk, C. L. (2006). Cohousing Communities: A Sustainable Approach to Housing Development. Unpublished manuscript, Sustainability and the Built Environment Certificate Program, UC Davis Extension, Davis, CA. Dicapai pada September 28, 2019 dari: http://extension.ucdavis.edu/unit/green_building_and_sustainability/pdf/resources/co_housing.pdf.
- Bernama. (2019, 1 April). Warga KKM dialukan kongsi idea dan masalah - Menteri Kesihatan. Diakses pada 30 Ogos, 2019 daripada <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1711526>
- Blazer D.G at al (2001). Depression In Diabetes And Obesity: Racial/ethnic/gender issues in oldert adult. *Journal Od Pdychometric research*, 52(C):1-4.
- Bohle, Ph, Rawlings-Way, O., Finn, J., Ang, J., & Kennedy, D. J. (2013). Housing choice in retirement: Community versus separation. *Housing Studies*, 29, 108–127.
- Boudiny, K. (2013). —Active ageing!l: From empty rhetoric to effective policy tool. *Ageing & Society*, 33(6), 1077–1098.
- Bowling, A. (2008). Enhancing later life: how older people perceive active ageing? *Aging & Mental Health*, 12(3), 293–301.
- Brandon, E. (2013). How Retirees Spend Their Time _ Retirement _. US News. Dicapai pada September 30, 2019 dari: <https://money.usnews.com/money/retirement/articles/2013/07/08/how-retirees-spend-their-time>
- Brenton, M. (2008). The cohousing approach to 'Lifetime Neighbourhoods.' London, UK: Housing Learning & Improvement Network. Retrieved from http://networks.csip.org.uk/_library/Resources/Housing/Support_materials/Factsheets/Factsheet29.pdf
- Bryman, A. (2008). *Social Research Methods* (3rd Edition). New York: Oxford University Press Inc.

- Burns, & Grove. (1993). *The practice of nursing research: Conduct, critique and utilization*. (2nd ed.). Philadelphia: Saunders.
- Centers for Disease Control and Prevention, 2013. *Home and Recreational Safety: Important Facts About Falls*.
- Chua, Y.P (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan* (2nd Edition). Malaysia, Mc Graw-Hill Education.
- Choi, J. S. (2013). Why Do People Move to Cohousing Communities in Sweden?- Are there any Significant Differences Between the+ 40 Cohousing and the Mixed-Age Cohousing?. *Architectural research*, 15(2), 77-86.
- Choong, W. W., & Cham, Q. W. (2014). Preferred Housing Attributes among Elderly in Malaysia. 21st Pacific Rim Real Estate Society (PRRES) Conference. Kuala Lumpur, Malaysia. 18th-21st, January,
- Creswell J.W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (3rd ed.). SAGE Publications Ltd.
- Doris Padmini Selvaratnam, Nor Aini Haji Idris, Norlaila Abu Bakar, & Norlida Hanim Mohd Salleh. (2008). *Institusi Penjagaan Warga Emas Di Malaysia, New Zealand Dan Australia: Satu Analisis Perbandingan*. Pembentangan kertas di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III, , Port Dickson, Negeri Sembilan
- Elsawahli, H., Ahmad, F., & Ali, A. S. (2014). New urbanism design principles and young elderly active lifestyle : An analysis of TTDI neighbourhood in Kuala Lumpur , Malaysia, 19, 249–258.
- Elsawahli, H., Ahmad, F., & Ali, A. S. (2016). Demographic transition and sustainable communities in malaysia. *Planning Malaysia Journal*, 14(5).
- Elsawahli, H., Ali, A. S., Ahmad, F., & Al-obaidi, K. M. (2017). Evaluating Potential Environmental Variables and Active Aging in Older Adults for Age- Friendly Neighborhoods in Malaysia. *Journal of Housing For the Elderly*, 31(1), 74–92.
- Feng, J., Tang, S., & Chuai, X. (2017). The impact of neighbourhood environments on quality of life of elderly people: Evidence from Nanjing, China. *Urban Studies*, 0042098017702827.
- Freudenheim, E. (2016). *The Brooklyn Experience: The Ultimate Guide to Neighborhoods & Noshes, Culture & the Cutting Edge*. Rutgers University Press.

- Glass, A. P. (2017). A longitudinal study at an elder cohousing community: after 10 years, who left and who's left? *Innovation in Aging*, 1(Issue suppl_1, 1 July 2017), 305.
- Glass, A. P., & Vander Plaats, R. S. (2013). A conceptual model for aging better together intentionally. *Journal of Aging Studies*, 27(4), 428–442.
- Glesne, C., & Peshkin. (1992). *Becoming qualitative researchers: An introduction*. White Plains, NY: Longman.
- Hagen, S.A., (2013). Rising demand for long-term services and supports for elderly people. Congressional Budget Office.
- Hall, M., & Havens, B. (1999). *The effects of social isolation and loneliness on the health of older women*. Report prepared for the Prairie Women's Health Centre of Excellence. Winnipeg, MB: University of Manitoba.
- Hamid, T. (2015). Population ageing in malaysia a Mosaic of Issues, Challenges and Prospects, 92. Universiti Putra Malaysia Press.
- Hamid, T. A., & Tyng, C.S. (2013). Meeting the Needs of Older Malaysians: Expansion, Diversification and Multi-sector Collaboration.
- Harian Metro (2019, Februari 24). Elak Murung di Hujung Hayat. Dicapai pada Oktober 11, 2019 dari <https://www.hmetro.com.my/sihat/2019/02/426592/elak-murung-di-hujung-hayat>
- Harrison (1978). Principles of Internal Medicine. Second edition, Singapura : Mc Graw-Hill, Asian Students's Edition
- Hassan, H. (2009). Issues and challenges of sustainable urban development in Malaysia. *Sustainable Development Issues in Malaysia*, 1-22.
- Hoebel, Et.al .1982. Antropology and The Human Experience. Fifth edition, New York:Mc Graw-Hill.
- Iecovich, E. (2014). Aging in place: From theory to practice. *Anthropological notebooks*, 20(1), 21-33.
- International Council on Active Aging. (2015). International Council on Active Aging. Dicapai dari <http://www.icaa.cc/>
- Iwarsson, S., Wahl, H. W., Nygren, C., Oswald, F., Sixsmith, A., Sixsmith, J., ... & Tomsone, S. (2007). Importance of the Home Environment for Healthy Aging_ Conceptual and Methodological Background of the European ENABLE-AGE

- Project _ The Gerontologist _ Oxford Academic. *The Gerontologist*, 47(1), 78–84,.
- Iwarsson, S. (2005). A long-term perspective on person–environment fit and ADL dependence among older Swedish adults. *The Gerontologist*, 45(3), 327-336.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018). *Buku Laporan Statistik 2017 Jabatan Kebajikan Masyarakat*. DFA Print Sdn. Bhd.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Migrasi dan Taburan Penduduk 2010*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2018). *Laporan Statistik Kependudukan Tahunan Negara*. Dicapai melalui <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2019). *Portal Banci dan Stats Geoportal*. Dicapai melalui <http://ecensus.mycensus.gov.my>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2016). *Rancangan Fizikal Negara Ke-3*.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2016). *Dasar Perbandaran Negara Ke-2*.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2018). *Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas 2018*.
- Jariah Masud, Sharifah Azizah Haron and Tengku Aizan, H. (2006). Health Status and Perceived Income Adequacy among Older Persons in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Public Health*, Volume 18 (Supplementary), 2-8.
- Jarvis, H. (2011). Saving space, sharing time: Integrated infrastructures of daily life in cohousing. *Environment and Planning A*, 43(3), 560–577.
- John W. Creswell, & Clark, V. L. P. (2009). *Designing and conducting mixed methods research*. SAGE Publications Ltd.
- Jong, P. D., Rouwendal, J., Hattum, P. V., & Brouwer, A. (2012). Housing preferences of an ageing population: Investigation in the diversity among Dutch older adults.
- Jusan, M. M., & Sulaiman, A. B. (2005). Personalization as a sustainable approach to mass housing : In *Conference on sustainable building South* (pp. 11–13).
- K Kathryn McCamant, C. D. (2011). *Creating Cohousing: Building Sustainable Community*. New Society Publishers.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2018). *Annual Report Ministry of Health Malaysia 2017*.

- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2011). Dasar Warga Emas Negara (2011).
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2014). Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 2014.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. In Hill, R. (1998). "What Sample Size is 'Enough' in Internet Survey Research"? *Interpersonal Computing and Technology: An electronic Journal for the 21st Century*. Dicapai melalui <http://www.emoderators.com/ipct-j/1998/n3-4/hill.html>
- Kylren, M., Schmidt, S. M., Iwarsson, S., Haak, M., & Ekström, H. (2017). Perceived home is associated with psychological well-being in a cohort aged 67–70 years. *Journal of Environmental Psychology*, 51, 239-247.
- Lai, M. M., Lein, S. Y., Lau, S. H., & Lai, M. L. (2016). Modeling Age-Friendly Environment, Active Aging, and Social Connectedness in an Emerging Asian Economy. *Journal of Aging Research*, 2016.
- Lietaert, M. (2010). Cohousing's relevance to degrowth theories. *Journal of Cleaner Production*, 18(6), 576–580.
- Likert, R. (1932). A technique for the measurement of attitudes. *Archives of Psychology*, 22(140), 1–55.
- Lim, C. K. (2012). The changing needs of older Malaysians: a Selangor case study. (Doctoral dissertation, Adelaide: University of Adelaide).
- Lindamood, S., & Hanna, S. D. (1979). *Housing, society, and consumers*. West Pub. Co.
- Liu, H., Byles, J. E., Xu, X., Zhang, M., Wu, X., & Hall, J. J. (2016). Association between nighttime sleep and successful aging among older Chinese people. *Sleep Medicine*, 22, 18–24.
- Loo, B. P., Lam, W. W., Mahendran, R., & Katagiri, K. (2017). How is the neighborhood environment related to the health of seniors living in Hong Kong, Singapore, and Tokyo? Some insights for promoting aging in place. *Annals of the American Association of Geographers*, 107(4), 812-828
- Lozano, L. M., García-Cueto, E., & Muñiz, J. (2008). Effect of the number of response categories on the reliability and validity of rating scales. *Methodology: European Journal of Research Methods for the Behavioral and Social Sciences*, 4(2),(73.).

- Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jemain, & Norsiah Mohamed, Wan. (2001).
Jaminan Sosial Warga Tua. Prentice Hall
- Lyon, M., Kang, M., & Kramp, J. (2013). Case study of senior cohousing development
in a rural community. *Journal of Extension*.
- Mafauzy, M. (2000). The problems and challenges of the aging population of Malaysia.
The Malaysian Journal of Medical Sciences : MJMS.
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) (2019). Dicapai melalui laman web
<http://www.mbpj.gov.my>
- Marcussen, L. (1990): *Third world housing in social and spatial development*.
Aldershot: Avebury.
- Margaret Critchlow, Moore, A., Downing, R., Shrestha, D., Albert, M., & Hardman,
S. (2016). *Innovations in senior housing : The Complete Guide to Cohousing*.
Dicapai pada Oktober 10, 2019 dari:
[http://www.refbc.com/sites/default/files/Master_Resource_Guide_Status-25
October_2016_0.pdf](http://www.refbc.com/sites/default/files/Master_Resource_Guide_Status-25_October_2016_0.pdf)
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation and personality* (English ed). Harper &
Row, Publishers, Inc.
- Mat, R., & Taha, H. M. (2003). Socio-economic characteristics of the elderly in
Malaysia. *21st Population Census Conference: Analysis of the 2000 Round of
Censuses*, (November), 19–21.
- Mayhew, L. (2005). Active ageing in the UK-issues, Barriers, Policy directions.
Innovation, 18(4), 455–477.
- Mccamant, K., & Durrett, C. (2011). *Creating Cohousing: Building Sustainable
Community*. New Society Publishers.
- Mosca, I., Van der Wees, Ph, Mot, E., Wammes, J. J. G., & Jeurissen, P. P. T. (2017).
Sustainability of long-term care: Puzzling tasks ahead for policy-
makers. *International Journal of Health Policy Management*, 6(4), 195–205
- N. Jumadi, N.A Mat Noor, & A.A. Bujang (2017). The Potential of Sustainable
Cohousing to Support Social Interaction for Active Ageing Neighbourhood: A
Conceptual Framework. *Jurnal Kemanusiaan UTM* (Vol.15)(1)(2017).
- N. Jumadi. (2018). Senior Cohousing Model on Active Ageing Living From Muslim
Perspective in Malaysia.

- Ng, S. T., Tengku-Aizan, H., & Tey, N. P. (2011). Perceived health status and daily activity participation of older Malaysians. *Asia Pacific Journal of Public Health*, 23(4), 470-484.
- Nor Raudah Siren (2015) Psikologi dan penerimaan warga emas di Kompleks Warga Emas AlJenderami. *Jurnal Usuluddin*.
- Nygren, C., Oswald, F., Iwarsson, S., Fänge, A., Sixsmith, J., Schilling, O., & Wahl, H. W. (2007). Relationships between objective and perceived housing in very old age. *The Gerontologist*, 47(1), 85-95.
- OECD. (2006). *Live Longer, Work Longer*. Work, (2005), 1–148.
- OECD. (2015). *Pensions at a Glance 2015: OECD and G20 indicators*.
- Ogilvie, R. L. (2011). *The Future Housing Preferences and Expectations of Older Adults with Unmet Housing Needs*. Mount Saint Vincent University.
- Ong, R., Wood, G. A., Austen, S., Jefferson, Th, & Haffner, M. E. A. (2015). Housing equity withdrawal in Australia: Prevalence, patterns and motivations in mid-to-late life. *Housing Studies*, 30, 1158–1181.
- Oswald, F., Schilling, O., Wahl, H. W., Fänge, A., Sixsmith, J., & Iwarsson, S. (2006). Homeward bound: Introducing a four-domain model of perceived housing in very old age. *Journal of Environmental Psychology*, 26(3), 187-201.
- Oswald, F., Wahl, H. W., Schilling, O., Nygren, C., Fänge, A., Sixsmith, A., & Iwarsson, S. (2007). Relationships between housing and healthy aging in very old age. *The Gerontologist*, 47(1), 96-107.
- Oswald, F., & Wahl, H. W. (2004). Housing and Health after life. *Environmental Health*, 19(3–4).
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Paúl, C., Ribeiro, O., & Teixeira, L. (2012). Active ageing: An empirical approach to the WHO model. *Current Gerontology and Geriatrics Research*, 2012(2002).
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (2019). Dicapai melalui <http://www.selangor.gov.my>
- Personal Finance Research Centre (2014). *Measuring Financial Capability: An Exploratory Study*. Dicapai melalui <http://www.fsa.gov.uk/pubs/consumer-research/crpr37.pdf>
- Pew Research Center (2014). Attitudes about aging: a global perspective. In a rapidly graying world, Japanese are worried, Americans aren't. Dicapai melalui

- <http://www.pewglobal.org/2014/01/30/attitudes-about-aging-a-global-perspective>
- Priest, I. (2015). *Different kind of living*. RIBA Journal, 122(10), 54.
- Rattanamongkolgul, D., Sritanyarat, W., & Manderson, L. (2012). Preparing for aging among older villagers in northeastern Thailand. *Nursing and Health Sciences*, 14(4), 446–451.
- Reed, R., & Mills, A. (2006). Identifying the drivers behind housing preferences of firsttime owners. *Property Management*, 25(3), 225-241.
- Robinson, R. (1979). *Housing Economics and Public Policy*. The Macmillan Press Ltd.
- Robson, C. (2011). *Real World Research* (3rd Edition). Wiley (2011).
- Roebuck J. When does old age begin?: the evolution of the English definition. *Journal of Social History*. 1979;12(3):416-28.
- Roos, L. (1987). *Den tid den sorg* [When the time is right]. Copenhagen, Denmark: Statens Filmcentral.
- Ruiu, M. L. (2014). Differences between Cohousing and Gated Communities. A Literature Review. *Sociological Inquiry*, 84(2), 316–335.
- Ruiu, M. L. (2015). The effects of cohousing on the social housing system: the case of the Threshold Centre. *Journal of Housing and the Built Environment*, 30(4), 631–644.
- Ruiu, M. L. (2015). The Social Capital of Cohousing Communities. *Sociology*
- S, Sanmargaraja & Seow, T.W. (2015). *Pandangan Warga Tua di Rumah Warga Tua: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru. Persidangan Geografi dan Alam Sekitar Kali Keempat.*
- Salma Ishak, & Fuziah Shaffie. (1998). *Pondok sebagai satu pilihan tempat tinggal di kalangan orang tua*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Sandelin, R. (1997). *Legal issues for cohousing communities_ A primer*. Dicapai pada Oktober 13, 2019 dari <http://nw.ic.org/Legal/Legal1a.php>
- Santhi Thermaligam. 2006. *Analisi Pola Perbelanjaan Sebulan Warga Emas di sekitar Johor Bahru*. Kertas Ilmiah. UKM, Bangi.
- Sargisson, L. (2010). *Cohousing : a Utopian Property Alternative ? Working paper*, School of Politics and International Relations Centre for Social and Global Justice, University of Nottingham.

- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2007). *Research Methods for Business Students* (6th ed.). London: Pearson
- Scheidt, R. J., & Norris-Baker, C. (2004). *The General Ecological Model Revisited: Evolution, Current Status, and Continuing Challenges*.
- Scheidt, R. J., & Norris-Baker, C. (2004). The general ecological model revisited: Evolution, current status, and continuing challenges. *Annual review of gerontology and geriatrics*. (In H.-W. W). New York: Springer.
- Scheidt, R. J., & Windley, P. G. (2006). Environmental gerontology: progress in the post-Lawton era. In *Handbook of the psychology of aging* (6th ed., pp. 105–125). Amsterdam: Elsevier.
- Selvaratnam, D. P., Idris, N. A., & Bakar, N. A. (2010). *warga emas di malaysia ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Selvaratnam, D. P., & Tin, P. B. (2007). Lifestyle of the elderly in rural and urban Malaysia. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 1114, 317–325.
- Sherwood, H. (2014). Co-housing – a community-based end to human isolation ? *100 Resilient Cities*.
- Smolak, L. (1993). *Adult Development*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice Hall.
- Sulaiman, N. (2011). *Opportunities For the Transfer of United Kingdom Best Practices For the Provision of Public Residential Care Facilities For The Elderly to Malaysia*.
- Sulaiman, N., Baldry, D., & Ruddock, L. (2005). Issues Concerning Housing for the Elderly in Malaysia. *Human Rights*, (1999), 125–138.
- Sutipan, P., & Intarakamhang, U. (2017). Healthy Lifestyle Behavioral Needs among the Elderly with Hypertension in Chiang Mai , Thailand. *International Journal of Behavioral Science (IJBS)*, 12(1), 1–12.
- Sykes, K. E., & Robinson, K. N. (2014). Making the right moves: promoting smart growth and active aging in communities. *Journal of Aging & Social Policy*, 26(1–2), 166–80.
- T. Bill, S. G. and G. T. (2009). *Research Methodology* (4th editio). PHI Learning Private Limited.
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International Journal Of Medical Education*, 2, 53.

- The Cohousing Association of United State. (2017). Cohousing in the United States : An Innovative Model of Sustainable Neighborhoods. Dicapai pada Oktober 16, 2019 dari <http://www.cohousing.org/sites/default/files/attachments/StateofCohousingint he U.S. 3-6-17.pdf>
- Tummers, L. (2015). Understanding co-housing from a planning perspective: why and how? *Urban Research & Practice*, 8(1), 64–78.
- United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division (2007). *World Population Ageing 2007*. (ST/ESA/SER.A/260).
- United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division (2013). *World Population Ageing 2013*. (ST/ESA/SER.A/348).
- United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division (2015). *World Population Ageing 2015*. (ST/ESA/SER.A/390).
- United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division (2017). *World Population Prospects: The 2017 Revision, Volume II: Demographic Profiles*. ST/ESA/SER.A/400.
- Wahl, H.-W., Iwarsson, S., & Oswald, F. (2012). Aging well and the environment: Toward an integrative model and research agenda for the future. *The Gerontologist*, 52(3), 306–316.
- Williams, J. (2008). Predicting an American future for cohousing. *Futures*, 40(3), 268–286
- WHO (2015). *World Report on Ageing and Health*. World Health Organization (2015).
- WHO (2002). *Active Ageing: A Policy Framework*. April 2002.
- Wong, M., Yu, R., & Woo, J. (2017). Effects of perceived neighbourhood environments on self-rated health among community-dwelling older Chinese. *International journal of environmental research and public health*, 14(6), 614.
- Yusof, R (2003). *Penyelidikan Sains Sosial (Social Science Research)*. Pahang, Malaysia: PTS Publications & Distributors.